

Penggunaan dron semakin meluas

PERKEMBANGAN dalam bidang teknologi sejak sedekad lalu menyaksikan pelbagai jenis inovasi dihasilkan dari semasa ke semasa.

Dron antara salah satu inovasi terkini yang dihasilkan dengan pelbagai kegunaan.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Ir. Dr. Kamarul Arifin berkata, selain teknologi dron yang canggih, penggunaannya juga tidak terhad.

Menurutnya, jika dahulu dron

selalu digunakan untuk tujuan ketenteraan, tetapi kini ia turut digunakan oleh orang awam dan riadah.

“Kegunaan bagi tujuan awam termasuklah untuk pengawasan bencana alam, banjir dan operasi menyelamatkan. Pihak berkuasa terutamanya yang banyak terlibat dengan aktiviti pemantauan boleh menggunakan dron bagi membantu memudahkan pelaksanaan



KAMARUL

operasi mereka.

“Sebagai contoh, dron ini boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk tujuan memantau kawasan yang sukar diakses seperti di kawasan hutan ataupun sempadan laut,” katanya.

Tambahnya, dron kini juga dilihat menjadi pilihan generasi muda terutamanya untuk aktiviti riadah seperti merakam gambar dan juga video.

Kamarul menjelaskan, banyak dron yang dihasilkan kini mampu

merakam gambar dan video dengan kualiti yang begitu baik.

Dalam pada itu, katanya, dron haruslah digunakan secara betul dan mereka yang mahu menerbangkannya perlu mengikut syarat-syarat yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

“Bagi mereka yang baru belajar mengendalikan dron ini elak menerbangkannya di tempat awam kerana ia boleh mengancam keselamatan orang lain jika dikawal tanpa asas yang betul,” jelasnya.